

MUZIUM DAN KEDAULATAN INSTITUSI BERAJA DI MALAYSIA

Ahmad Farid Abd Jalal

Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)
(Kumpulan Penyelidik di bawah Tajaan Perbadanan
Muzium Negeri Pahang, Pekan, Pahang)
faqir_ila_rabbih@um.edu.my

Rahimin Affandi Abd Rahim

Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya (UM)

Mohamed Yusuf Ahmad Adam Broughton

Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya (UM)

Ahnaf Wafi Alias

Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya (UM)

ABSTRAK

Muzium merupakan tempat mengumpul, menyelidik dan memelihara segala bentuk kesenian, warisan dan adat resam setempat seperti manuskrip, senjata, ukiran, tekstil serta hasil kerja yang terbaik dan berkualiti tinggi sehingga menjadi rujukan sehingga ke hari ini. Selain itu, muzium juga berperanan memberikan khidmat pengembangan ilmu melalui pameran, ceramah, bengkel dan persidangan khususnya dalam pendidikan sejarah. Kertas kerja ini akan menjelaskan tentang kepesatan perkembangan muzium pascamerdeka di Malaysia, jenis-jenis muzium di Malaysia yang merangkumi aspek umum, tematik, galeri diraja dan memorial, muzium-muzium yang berasal daripada bangunan istana dan inisiatif beberapa IPTA di Malaysia untuk mewujudkan muzium sendiri. Turut menjelaskan tentang keperluan muzium menerapkan kesedaran sejarah khususnya dalam memaparkan kehebatan institusi raja-raja Melayu di Alam Melayu. Muzium perlu menonjolkan kepada pengunjung tentang sebab-sebab institusi beraja perlu dipertahankan. Kajian ini juga menerangkan tentang muzium dan falsafah pengekalan institusi beraja di Malaysia. Ia merangkumi perbincangan berkaitan Muzium Diraja sebagai mercu tanda kewujudan tamadun sosio-politik di Alam Melayu, bukti identiti kemelayuan, sifat dinamisme Islam dalam masyarakat Melayu serta sebagai asas kedaulatan institusi beraja di Malaysia. Fokus perbincangan kertas kerja ini adalah membincangkan tentang peranan muzium dalam memartabatkan kedaulatan institusi beraja di Malaysia. Muzium sepatutnya berfungsi sebagai hub pendidikan khususnya dalam menyampaikan maklumat berkaitan institusi

beraja di Malaysia. Kajian ini diharap dapat membantu memartabatkan institusi beraja sekali gus mengangkat warisan budaya khususnya di Malaysia.

Kata kunci: Muzium, Perkembangan Muzium Pascamerdeka, Kesedaran Sejarah, Peranan Muzium Dalam Memartabatkan Institusi Beraja

MUSEUM AND SOVEREIGNTY OF THE RULING INSTITUTIONS IN MALAYSIA

ABSTRACT

The museum is a place to collect, research and preserve all forms of local art, heritage and customs such as manuscripts, weapons, carvings, textiles as well as the best and highest quality work that has become a reference to this day. In addition, the museum also plays a role in providing knowledge development services through exhibitions, talks, workshops and conferences, especially in history education. This paper will explain the rapid development of post-independence museums in Malaysia, the types of museums in Malaysia which include general aspects, thematic, royal galleries and memorials, museums derived from palace buildings and the initiative of several public universities in Malaysia to create their own museums. Also explain the need to implement museum displays historical awareness, especially in the power of the institution of Malay rulers in the Malay world. Museums need to highlight to visitors the reasons why royal institutions need to be defended. This study also describes the museum and the philosophy of maintaining the monarchy in Malaysia. It includes a discussion related to the Royal Museum of the hallmarks of civilization in the socio-political situation in the Malay, the Malay identity proof, the nature of the dynamism of Islam in the Malay community as well as the basic rule of the monarchy in Malaysia. The focus of this paper's discussion is to discuss the role of museums in upholding the sovereignty of monarchical institutions in Malaysia. The museum should serve as an education hub especially in conveying information related to monarchical institutions in Malaysia. It is hoped that this study will help elevate the institution of monarchy and raise the cultural heritage, especially in Malaysia.

Keywords: *Museum, Post-Independence Museum Development, Historical Awareness, The Role of Museums in Dignifying the Royal Institution*

PENGENALAN

Muzium adalah institusi khusus bagi mengekalkan warisan sejarah yang boleh dibanggakan dalam sesuatu masyarakat. Warisan ini bukan setakat untuk ditonton bahkan juga bakal dijadikan medium utama untuk tujuan pendidikan *Nation Building* yang mencerminkan jati diri sesuatu bangsa (Abu Talib Ahmad,

2015). Ia diperkenalkan pertama kalinya oleh penjajah British di Tanah Melayu (Paulette Dellios, 1999). Sesuai dengan pandangan Saidina Ali Bin Abi Talib bahawa hikmah atau falsafah adalah sesuatu yang hilang daripada umat Islam. Andainya ia ditemui, ia harus dikekalkan untuk manfaat umat Islam. Jadi, dalam konteks institusi muzium ini, walaupun ia milik penjajah British, tetapi ia patut diterima pakai oleh umat Islam kerana terlalu banyak manfaat yang terkandung di dalamnya.

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, institusi muzium ini berserta dengan semangat dan metodologinya telah dikekalkan. Ia dapat dianggap sangat menguntungkan kerana memiliki falsafah intelektual yang amat dinamik. Hal ini dapat dilihat daripada beberapa sudut utama. Pertama, wujudnya ICOM (*International Council of Museum*) yang menaungi kesemua muzium di seluruh dunia; sama ada di negara maju, sedang membangun dan mundur. ICOM bertindak sebagai badan induk yang memperkenalkan pelbagai program penambahbaikan muzium yang sepatutnya. Ia mengambil kira aspirasi kesemua negara ahli. Kedua, ICOM telah membawa falsafah *new museum* yang dilihat mampu memperbetulkan kesalahan konsep muzium silam yang lebih berorientasikan kepentingan penjajah (Hooper-Greenhill, 2000).

KESEDARAN MUZIUM DI MALAYSIA

Mengikut Abu Talib Ahmad (2012), perkembangan muzium di Malaysia pascamerdeka amat pesat sekali. Daripada hanya tiga buah muzium yang diperkenalkan oleh British, berkembang di zaman selepas merdeka pada tahun 2013 menjadi sebanyak 189 buah muzium (Abu Talib Ahmad, 2015). Ia terbahagi kepada empat jenis, iaitu umum (memberi penekanan pada sejarah-budaya), tematik (khusus pada tema seperti arkeologi, hutan, padi, seni dan lain-lain), galeri diraja (tumpuan pada khazanah diraja) dan memorial (tertumpu pada peringatan peristiwa atau tokoh tertentu).

Untuk sektor ekonomi, agensi muzium telah menjadi penjana ekonomi negara apabila ia dijadikan destinasi produk pelancongan. Muzium juga telah dijadikan sebagai alat bantu untuk institusi pendidikan.

Menariknya, terdapat beberapa IPTA di Malaysia yang turut mengambil inisiatif untuk mewujudkan muzium mereka sendiri yang dibina di dalam kawasan kampus. Antara yang terawal adalah Universiti Malaya (UM) yang mewujudkan Muzium Seni Asia (dibuka 1980) dan juga Muzium Zoologi (bangunan baru dibuka pada 1999) yang menempatkan koleksi terbesar spesimen fauna negara yang dikumpul sejak 60 tahun lepas yang mana sebahagiannya berasal dari *Raffles Museum* Singapura dan Muzium Negara. Beberapa muzium IPTA lain antaranya adalah Muzium Pendidikan Nasional (dibuka 2011) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak; Muzium & Galeri Tuanku Fauziah di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang; Muzium Warisan Akademik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi; Galeri Kajian Alam Bina Melayu atau KALAM (ditubuhkan 1996) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai; dan yang paling terkini adalah Muzium Warisan Melayu (dibuka 2013) di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang.

Sungguhpun dari segi akademik, muzium ini boleh dipecahkan kepada beberapa kategori berbeza, namun dari rangka operasi, ia tetap menjalankan fungsi yang sama, iaitu memberikan pendidikan berkaitan sejarah dan budaya kepada masyarakat.

Menurut Mohd Azmi Mohd Yusof (2013), muzium beroperasi melalui tiga kegiatan utama, iaitu pertama, mengumpul, menyelidik dan memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam yang penting kepada negara; kedua, mendokumentasi serta menerbitkan hasil penyelidikan; dan ketiga, memberikan khidmat pengembangan ilmu melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum, persidangan serta khidmat lawatan berpandu ke galeri pameran (Mohd Azmi Mohd Yusof, 2013). Walaupun muzium menjalankan pelbagai kegiatan dalam operasinya, namun, kegiatan pengembangan ilmu itulah yang boleh dikatakan paling menonjol terutama dari aspek pameran (Jennifer Kim Lian Chan & Eileen Yeoh, 2010).

Sekiranya pihak sekolah mengguna pakai kurikulum untuk menyalurkan pendidikan sejarah secara formal kepada para pelajar, maka muzium memanfaatkan galeri pameran untuk mendidik anggota masyarakat berkenaan hal serupa melalui kaedah tidak formal. Mengambil contoh galeri pameran di Muzium Negara Kuala Lumpur, ia mendedahkan secara tepat perkembangan sejarah negara kepada pengunjung merentasi sempadan zaman, iaitu melalui era pra-sejarah, negeri Melayu di abad ke-19, zaman penjajahan dan era kontemporari Malaysia (Abu Talib Ahmad, 2013).

Tempoh had masa ini dianggap agak komprehensif walaupun disampaikan secara visual, ringkas serta tidak formal kepada para pengunjung muzium. Meskipun formaliti artikulasi sejarah di muzium sedikit longgar berbanding dengan sekolah, namun, naratif pamerannya masih terkawal terutama muzium seliaan khusus kerajaan. Bagi Abu Talib Ahmad (2008), muzium masih merupakan sebahagian jentera yang diguna pakai oleh kerajaan untuk memupuk semangat patriotik dan kenegaraan dalam rangka pembinaan negara-bangsa. Apa yang akan diutamakan dalam pameran ditetap berdasarkan sejauhmana sesuatu isu sejarah itu mampu menyumbang pada usaha memperkukuh agenda pembinaan negara-bangsa tadi. Justeru, walaupun orientasinya berbeza, namun naratif muzium boleh dikatakan selaras dengan apa yang biasa dipaparkan di sekolah. Sekaligus, ia meletakkan fungsi institusi ini sama pentingnya dengan sekolah dari aspek artikulasi sejarah.

Bagi sarjana pendidikan, terdapat kelebihan pada muzium untuk tujuan pendidikan (Azman Ligun, 2017). Antaranya adalah institusi ini dapat menimbulkan minat dan kefahaman pelajar dengan subjek sejarah yang dipelajari secara teori di sekolah (Ab. Samad Kechot, 2012). Ini kerana pemahaman ini dapat dijana melalui pemerhatian langsung pada galeri di muzium (Badrul Isa, 2017).

MUZIUM SEBAGAI INSTITUSI MENERAPKAN KESEDARAN SEJARAH

Muzium diraja tidak harus dilihat sebagai institusi gajah putih yang memaparkan kehebatan institusi diraja Melayu. Sebaliknya ia harus dilihat secara mendalam membabitkan elemen falsafah khususnya apa yang disumbangkan oleh institusi terbabit. Maksudnya, ia sepatutnya dapat menjana pemikiran sejarah bagi setiap pengunjungnya.

Terpenting sekali, setiap galeri muzium diraja mesti menerapkan pemikiran sejarah kepada pengunjungnya. Secara umumnya, kemahiran pemikiran sejarah ini merujuk kepada proses berfikir secara analitis, kritis dan kreatif bertujuan memahami peristiwa yang berlaku pada masa lalu untuk dihubungkan dengan masa kini dan sebagai persediaan untuk masa akan datang.

Terdapat lima kategori pemikiran sejarah yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Shakila Binti Che Dahalan, 2015);

1. **Memahami kronologi:** Ia bermaksud memahami kronologi perjalanan sejarah masa lalu, kini dan masa akan datang mengikut urutan tentang sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku. Ia adalah kemahiran memahami konsep masa mengikut kemajuan sesuatu tamadun, memahami peristiwa mengikut zaman tanpa menyatakan tahunnya.
2. **Menerokai bukti:** Ia adalah kemampuan meneroka bukti atau sumber sejarah mengikut hirakinya, membuat perbandingan antara sumber dan mendapatkan maklumat daripadanya. Seorang guru sejarah berperanan membimbing murid untuk menerokai bukti melalui kajian gambar, dokumen sejarah dan surat khabar untuk membuat pertimbangan menggunakan akal fikiran mengesahkan sesuatu pernyataan atau sebab sesuatu peristiwa sejarah.
3. **Membuat interpretasi:** Ia adalah kemahiran membuat ulasan dan kupasan terhadap sesuatu peristiwa sejarah supaya memahami perkaitan antara fakta sejarah dan tafsiran sejarah. Kemahiran membuat interpretasi ini juga bermakna masa lalu difahami melalui pemerhatian dan interpretasi yang sistematik sehingga dapat membantu individu hidup dengan lebih baik pada masa hadapan.
4. **Membuat imaginasi:** Ia adalah kemahiran menghayati secara visual dan empati sesuatu situasi dalam peristiwa silam sejarah. Ia mampu membuat imaginasi dalam bentuk menghayati peristiwa sejarah, menyatakan perasaan, memainkan peranan watak dan membayangkan diri berada dalam peristiwa sejarah.
5. **Membuat rasionalisasi:** Ia adalah penggunaan akal dalam membuat pertimbangan yang wajar bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan. Ia membabitkan proses mengumpul data, membuat hipotesis, menentukan signifikan bukti dan membuat inferens daripada data yang di kumpul dapat membimbing dalam untuk membuat keputusan yang lebih baik pada masa hadapan. Membuat rasionalisasi bermaksud membuat pertimbangan yang sewajarnya

dalam menyelesaikan masalah, menjelaskan sebab-sebab sesuatu peristiwa sejarah, kesan, dan akibat setelah mencari bukti, membuat imajinasi dan membuat interpretasi sesuatu peristiwa sejarah.

Muzium secara amnya dan muzium diraja khususnya perlu menonjolkan kepada pengunjung kenapa institusi beraja perlu dipertahankan di Malaysia. Ada baiknya kita mengemukakan pandangan Firdaus Haji Abdullah tentang kenapa institusi beraja perlu dipertahankan di Malaysia. Baginya, walaupun sistem diraja Melayu sering ditohmah sebagai sistem monarki yang *out of dated*, tetapi ia mampu membantu mempertahankan kedaulatan Melayu-Islam. Ada lima alasan kenapa sistem diraja Melayu wajib dipertahankan (Dr Firdaus Abdullah, 2017).

1. Sistem raja-raja Melayu boleh mengatasi persaingan politik, sedangkan ketua negara yang mencapai kedudukannya melalui pilihan raya, terikat dengan persaingan politik. Sistem raja-raja Melayu mewakili seluruh negara sedangkan ketua negara yang dipilih melalui proses demokrasi terpaksa berpihak atau partisan dan adakalanya terpaksa “membayar hutang” (sama ada hutang budi atau hutang benda) kepada media atau parti politik.
2. Institusi raja lebih mudah berperanan sebagai “tenaga penyatu” di kalangan rakyat.
3. Kewujudan sistem diraja Melayu akan menyukarkan (menghambat) perubahan radikal atau perubahan total politik sesebuah negara. Ia akan membawa kestabilan dengan menggalakkan perubahan secara beransur-ansur dan mengelakkan perubahan melampau (extremisme).
4. Sistem raja-raja Melayu memiliki daya tarik (graviti) dan “aura” serta kedudukan yang dihormati atau “daulat” untuk mengambil keputusan muktamad dan penting pada saat-saat genting. Antara contoh yang pernah disebut ialah keputusan Maharaja Hirohito dari Jepun untuk menyerah kalah kepada pihak bersekutu di akhir Perang Dunia Kedua, walaupun pihak kuasa tentera ingin melawan terus. Keputusan Hirohito telah menyelamatkan ratusan ribu nyawa.
5. Institusi raja adalah gudang atau gedung tempat terhimpunnya tradisi dan kesinambungan dari masa lalu dalam proses perubahan zaman. Institusi raja mengingatkan tentang asal-usul kita.

MUZIUM DAN FALSAFAH PENGEKALAN INSTITUSI BERAJA DI MALAYSIA

I) Mercu Tanda Wujud Tamadun Sosio-Politik Di Alam Melayu

Sistem beraja Melayu sangat penting kerana ia menjadi mercu tanda wujudnya kearifan tempatan Melayu dalam bentuk formula hubungan sosial dan politik Melayu. Bagi Zainal Kling dan Zainal Abidin Borhan, adat diraja Melayu adalah tamadun tinggi masyarakat Melayu kerana ia membuktikan keunggulan otak intelek Melayu membina tamadunnya. Alam Melayu dicatatkan mempunyai

sejarah dan salasilah tamadun yang tinggi - dirujuk pada sistem kerajaan yang khusus.

Sarjana peradaban menegaskan bahawa bukti kewujudan sesuatu tamadun di sesuatu kawasan mesti didokong dengan wujudnya sesuatu kearifan tempatan ataupun institusi khusus yang menunjukkan adanya sesuatu sistem kerajaan. Sesuai dengan falsafah yang menyatakan sistem politik merupakan akar utama kepada sesuatu perkembangan terpenting dalam masyarakat, maka kita dapat menyaksikan kewujudan kesultanan Melayu Islam di Alam Melayu.

Jadi, setiap galeri muzium diraja perlu menonjolkan kesemua elemen adat diraja Melayu ini. Apa yang jelasnya, sumber adat diraja Melayu ini tidak dibuat secara sewenang-wenangnya tetapi mementingkan asas tradisi dan salasilah sejarah. Ia mempunyai latar belakang sejarah yang panjang daripada abad 1-15 (diwakili oleh kerajaan Funan, Sriwijaya, Majapahit dan Melaka). Sepanjang tempoh masa ini, suasana kerajaan Melayu adalah stabil (tiada pemberontakan), maju (perkembangan ekonomi yang hebat) dan dinamik sifatnya yang mampu berkembang (menyerap pengaruh tamadun yang berbeza) melalui jangka masa sejarah yang panjang.

Ia mempunyai sumber rujukan khusus yang dijadikan rujukan. Antara sumber ini adalah adat raja Melayu dan Kitab Sejarah Melayu. Ia juga mempunyai *regalia* (peralatan kebesaran) diraja yang mempunyai nilai sejarah. Contohnya kesultanan perak mempunyai beberapa peralatan kebesaran yang diwarisi daripada kesultanan Melaka, kesultanan Terengganu mempunyai peralatan kebesaran nobat. Walaupun kesultanan Melayu mementingkan kepelbagaian sistem beraja Melayu tetapi asas salasilah tradisi dititikberatkan, ia mesti berasal daripada salasilah kesultanan Melaka-Sriwijaya yang membanggakan daripada sudut sejarah (Lim Seng Haw, 2009).

II) Muzium Diraja Sebagai Bukti Identiti Kemelayuan

Masyarakat Melayu diasaskan kepada sistem susun lapis masyarakat yang agak dinamik. Ia berasaskan kepada hubungan raja dan rakyat yang berbentuk simbiotik (saling timbal balas). Keduanya saling memerlukan bagi melahirkan sistem masyarakat yang harmoni dan mengelakkan anasir anarki yang bakal menggagalkan program pembangunan. Orang Melayu terkenal sebagai bangsa yang berpegang kepada pemimpin atas nama raja.

Kita tidak boleh menerima bulat-bulat teori *Oriental Despotic* yang dikemukakan oleh pihak kolonial. Mereka mengatakan masyarakat Melayu sebagai bangsa yang mundur kerana diasaskan di atas sistem feudalisme. Pada kebiasaannya, sistem feudal ini dikaitkan dengan sistem yang menindas untuk kepentingan golongan raja semata-mata.

Teori *Oriental Despotic* ini bersesuaian dengan falsafah evolusi ciptaan Charles Darwin (Daniel C. Dennett, 1995) yang memberi justifikasi pada pihak kolonial British untuk mentamadunkan orang Melayu daripada kebodohan sendiri dan kezaliman raja-raja Melayu. Pihak kolonial British tidak pernah memberi komentar yang positif pada orang Melayu kecuali pada raja Melayu yang menyokong mereka. Ringkasnya, walaupun mereka menyatakan sifat buruk

orang Melayu, tetapi ia tidak dikaitkan dengan sistem raja Melayu zalim yang disokong mereka.

Menyentuh isu *Oriental Despotism*, dalam sejarah dunia mencatatkan bahawa kezaliman raja tidak terhad kepada bangsa Timur semata-mata, bahkan ia berlaku lebih buruk lagi di Eropah. Menurut Hanapi Dolah (1983), beberapa persoalan perlu dinyatakan;

1. Kenapa pihak kolonial British sering menjadi orang tengah dalam pergaduhan raja-raja Melayu yang berakhir dengan pemilihan raja yang menyokong mereka seperti yang berlaku dalam kes perebutan kuasa di Perak?
2. Kenapa pihak kolonial British mencipta pelbagai helah untuk campur tangan di sesebuah negeri Melayu seperti kes negeri Pahang?
3. Mereka menerangkan tentang nasib orang Melayu yang ditindas oleh raja. Tetapi kenapa mereka sendiri menaja, membela dan mengangkat kelas raja Melayu yang menindas rakyat.
4. Mereka enggan memahami bahawa penentangan rakyat pada pihak kolonial British adalah kerana masyarakat Melayu dan ulama enggan menyetujui dasar penjajahan pihak kolonial British.

Peri pentingnya institusi beraja dalam masyarakat Melayu turut diakui oleh pihak British. Mereka menjalankan dasar *patriakhi* yang membela orang Melayu, khususnya membela golongan raja dan pembesar. British telah menyediakan sistem pendidikan yang dapat menjamin kekuasaan mereka terus kekal. Melalui kajian sarjana-pentadbir British, mereka mengetahui sistem sosial masyarakat Melayu adalah berasaskan sistem feodal di mana masyarakat bawahan akan mentaati raja dan pembesar. Bagi memastikan mereka mendapat legitimasi pemerintahan dan tidak mendapat tentangan daripada rakyat, mereka mengekalkan strata sosial feudalisme ini. Langkah terbaik adalah dengan menjaga pembesar dan berusaha menjarakkan jurang antara golongan pembesar dan rakyat melalui sistem pendidikan khusus. Lagipun, ia bersesuaian dengan dasar pecah perintah yang menjadi keutamaan utama (Mehmet Ozay, 2011).

Pihak kolonial telah menyediakan tiga bentuk sistem pendidikan yang berbeza antara golongan pembesar, masyarakat awam dan etnik pendatang. Bagi masyarakat awam Melayu, tujuan utama dasar kolonial British adalah:

1. untuk kestabilan politik supaya Tanah Melayu tidak mengalami kekacauan akibat daripada pendidikan yang mungkin boleh menyedarkan orang Melayu untuk bangun memberontak dan mengusir pihak kolonial sebagaimana yang berlaku di India.
2. untuk mengekalkan status quo orang Melayu agar mereka mengamalkan cara hidup tradisional sebagaimana harapan pihak kolonial hendak menjadikan orang Melayu selamanya penanam padi, nelayan, bercucuk tanam dan menetap di kampung-kampung dengan beridentitikan orang kampung yang memiliki kemahiran dan kesenian sedia ada.

3. pendidikan Melayu tajaan pihak kolonial hanya mengharapkan orang Melayu memegang jawatan pangkat rendah dalam perkhidmatan kerajaan kolonial. Pekerjaan yang disandang oleh anak-anak Melayu setelah tamat belajar hanya sebagai pemandu kereta lembu, penanam padi, nelayan dan pengusaha kedai runcit kecil-kecilan. Pihak kerajaan kolonial juga mengharapkan anak-anak Melayu yang bersekolah agar dapat mempelajari cara hidup yang berperaturan, taat dan jujur jika mereka bekerja kelak.
4. Pihak kerajaan kolonial berharap agar dasar mereka terhadap pendidikan Melayu akan dapat membantu mengatasi masalah buta huruf dan dapat menjadikan orang Melayu cerdas serta tidak ditipu oleh orang yang tidak bertimbang rasa lebih-lebih lagi dalam masyarakat pelbagai kaum yang terdapat di Tanah Melayu (Awang Had Salleh, 1980).

Sekolah untuk pembesar, iaitu *Malay College Kuala Kangsar* (MCKK) diwujudkan bagi melahirkan pemimpin pelapis dan elit yang bakal membantu mereka dalam semua dasar. Kandungan pelajaran lebih menekankan pada *world-view* sekular. Penekanan utama diberikan kepada usaha pembentukan peribadi dan kepimpinan mengikut acuan *Eton Public School* di Britain. Semua subjek seperti sejarah yang diajar lebih berasaskan pada usaha menunjukkan kehebatan British di Eropah. MCKK menekankan penggunaan bahasa Inggeris (Stevenson, R., 1975). Di sekolah Melayu terdapat begitu banyak kekurangan berbanding dengan MCKK. Antaranya,

1. Bahasa Inggeris dan pemikiran yang lebih baik tidak disediakan. Sarjana-pentadbir kolonial menyatakan tidak ada gunanya mengajar orang Melayu bahasa Inggeris kerana akan menyebabkan pelajar menjadi *over educated* yang bakal mengganggu status quo semasa; "*it is sufficient for the ordinary requirements of the Malay boys, who will become bullock wagon drivers, padi-growers, fishermen, etc...and enable them by the time they have passed the fourth standard to read and write the simple literature of their tongue, ...to keep accounts if they are to become small shopkeepers, and to work simple problems in the money, currency, weights and measures of their country*" (Report on Education of the Strait Settlements, 1903).
2. Bentuk kurikulum untuk sekolah Melayu cukup untuk memberikan *education dan instruction*. Pengarah pendidikan British, Wolff menerangkan terma *education* adalah merujuk kepada membangunkan dan menghidupkan apa yang memang telah ada di sekeliling mereka. Manakala terma *instruction* pula adalah menambah sedikit maklumat baru untuk meneruskan kehidupan domestik sebagai petani dan nelayan (Ginsburg, N., & Roberts, C., F., 1958). Selain itu juga, dengan usaha Winstedt, subjek kemahiran kerja pertukangan dan pertanian untuk sekolah Melayu (Soda Naoki, 2001).

Berbeza pula dengan kurikulum untuk sekolah elit seperti MCKK. Mereka digalakkan untuk membangunkan potensi intelektual berasaskan *world-view* barat menggunakan bahasa Inggeris; “*The boy in the English school with a brain that has already begun to develop on proper lines; he has begun to learn how to learn, he is able to digest what he is taught, his progress at the English school is rapid and what he learns is likely to be knowledge and not merely 'cram'*” (Ginsburg, N., & Roberts, C., F., 1958). Lebih menyedihkan lagi, raja-raja Melayu memang bersetuju British menyediakan sistem pendidikan sebegini untuk orang awam bagi membantu mereka menghadapi cabaran pemodenan yang tidak menentu dengan cara membiarkan mereka tinggal di kawasan pedalaman. Mereka diharapkan tidak akan menceburi dunia moden yang berada di kawasan bandar (Milne, R., S., & Mauzy, D., K., 1986).

III) Muzium Diraja Sebagai Bukti Sifat Dinamisme Islam Dalam Masyarakat Melayu

Konsep daulat ini agak dinamik, yang berkembang melalui zaman Hindu hingga pada zaman moden. Ia bukannya statik dan boleh menerima pengaruh Islam. Mengikut kosmologi agama Hindu, raja adalah dewaraja iaitu titisan atau jelmaan tuhan yang bersifat kudus atau mutlak (*infallible*). Raja wajib ditaati andainya keredaan Tuhan mahu diperolehi. Ia disesuaikan dengan sistem kasta yang wujud dalam masyarakat. Konsep Dewaraja ini dimulakan oleh raja Funan yang dianggap sebagai pemerintah yang mempunyai kuasa suci dan berdaulat. Dengan konsep Dewaraja ini, raja Funan telah disahkan sebagai pemerintah yang mempunyai kuasa mutlak untuk memerintah rakyat. Malahan raja Funan dianggap sebagai penaung yang dapat memberi perlindungan kepada rakyatnya dengan peranannya sebagai bayangan Tuhan ataupun orang perantaraan dengan dewa-dewa (Paul Wheathley, 1980).

Konsep Dewaraja Funan ini telah digunakan oleh kerajaan Khemer. Empayar Sriwijaya-Sailendra dan Empayar Brunei sebagai asas sistem politik raja mereka bagi memperkuatkan kedudukan dan martabat raja mereka. Konsep Dewaraja Funan ini telah digunakan oleh raja-raja Sriwijaya untuk mengekalkan kedudukannya sebagai raja yang berdaulat dan manusia istimewa daripada jelmaan Tuhan. Raja Sriwijaya yang mengamalkan konsep daulat ini dengan mengutamakan upacara pemujaan Tuhan. Malahan, raja-raja Sriwijaya ini telah membina candi-candi bagi melambangkan keagungan pemerintahan mereka sebagai jelmaan Tuhan.

Pihak kolonial British yang datang kemudiannya telah menyukai sistem daulat dewaraja ini bersama dengan sistem kasta. Hal ini kerana dalam sistem pra Islam ini proses penguasaan masyarakat akan menjadi lebih mudah. Ia sangat diperlukan untuk penjajah British mengaut sebanyak mungkin hasil bumi alam Melayu.

Contohnya, kita boleh merujuk kepada paparan Raffles yang amat negatif tentang pencapaian Islamisasi alam Melayu, yang diterangkan dalam beberapa kenyataannya;

1. Islam telah merosakkan pencapaian tamadun Melayu yang terbina sebelumnya, Alam Melayu berjaya membangunkan tamadun politik dan ekonomi yang baik terbukti dengan wujud kerajaan dan pelabuhan penting (Raffles, 1813).
2. Pemahaman Islam orang Melayu bukannya murni sepertimana diamalkan di kawasan penganut Islam Timur Tengah dan Parsi. (*Malays are at present in a very different situation from any of the old Moslem states, such as Persia, Arabia, or Turkey. The Moslem religion has hitherto taken only a very partial and superficial root in many of the Eastern Islands*) (Raffles, 1811). Jadi mengikutnya, amalan Islam orang Melayu penuh campur aduk dengan pelbagai pegangan agama yang dipegang sebelum kedatangan Islam. (*Mahometanism has not relieved them from the superstitious prejudices and observance of anterior worship, they are thus open to the accumulated delusion of two religious systems*) (Raffles t.th).
3. Islam menghapuskan semua ilmu sains dan sastera Melayu yang pernah wujud sebelum proses Islamisasi. Sebaliknya karya Melayu selepas Islam diisi dengan naratif raja Islam Timur Tengah dan ilmu Agama (Raffles t.th). Ini menjadikan masyarakat Melayu kekeringan idea tentang konsep seni sejati (*historical and dry compositions of the head*) (Raffles, 1815). Lebih teruk lagi, Islam telah menghapuskan pencapaian sastera dan seni artifak yang terbina di zaman Hindu (Raffles t.th).
4. Lebih buruk lagi, Islam dijadikan lawan kepada tamadun Kristian dan Hindu Buddha. Segala bentuk kejahatan dikaitkan dengan Islam, manakala semua bentuk kebaikan dikaitkan dengan Barat dan Hindu Buddha (Raffles, 1819). Berbeza dengan Islam, dalam Hinduisme telah lahir masyarakat berkasta yang damai yang diperlukan oleh British (Raffles, 1815).

Dengan kedatangan Islam, konsep Dewaraja ini telah diganti dengan konsep raja sebagai bayangan (wakil) tuhan kepada makhluk. Ulama Melayu telah mengisi konsep konsep raja sebagai bayangan (wakil) tuhan dengan karya ketatanegaraan Melayu Islam.

Dalam tradisi keilmuan Islam, memang wujud suatu genre yang dikhususkan untuk menasihati para umarak (pemimpin politik) dan memberi bimbingan dalam hal politik dan ketatanegaraan. Ini bermakna ulama' sangat mengambil berat tentang hal kenegaraan. Tradisi menasihati pemimpin (*Nasihah al-Muluk*) amat dititikberatkan dalam tamadun Islam. Beberapa ulama besar terkenal dengan karya mereka dalam bidang ini; Kitab al-Kharaj karya Abu Yusuf (798), yang ditulis atas permintaan Harun al-Rashid (763809), adalah di antara karya terawal yang diketahui dalam bidang ini. Abu al-Hasan al-Mawardi (1058) menulis *Nasihah al-Muluk* dan *al-Ahkam al-Sultaniyyah*; Abu Hamid al-Ghazali (1111) dengan karyanya bertajuk *al-Tibr al-Masbuq fi Nasihat al-Muluk*, Ibn Taymiyyah (1328) menulis *al-Siyasah al-Shar'iyah fi Islah al-Ra'i wa al-Ra'iyah* dan banyak lagi karya yang lain.

Di Alam Melayu, khususnya pada abad 16-18, ilmu ketatanegaraan Islam memang muncul dan menjadi antara keilmuan yang banyak memberi kesan kepada kerajaan Alam Melayu silam. Hal ini berlaku sebelum Alam Melayu terdedah dengan idea dan pemikiran barat. Hanya selepas penjajahan politik dan epistemologi Barat, kesemua karya Karya Ketatanegaraan Melayu dianggap tidak relevan untuk pemerintahan berkerajaan Alam Melayu.

Terdapat tiga karya ketatanegaraan yang dihasilkan oleh tiga orang sarjana Melayu; dua daripadanya dari Aceh dan seorang daripada Johor-Riau. Tokoh Aceh adalah Bukhari al-Jauhari dengan karya *Taj al-Salatin* (1603), Nuruddin al-Raniri dengan kitab *Bustan al-Salatin* (1658) dan Raja Ali Haji dengan kitab *Tsammarat al-Muhimmah* (1873). Apa yang jelasnya, dua kitab yang awal tadi dihasilkan pada zaman keagungan kerajaan Aceh, manakala karya Raja Ali Haji dihasilkan pada zaman kejatuhan tamadun Islam Alam Melayu.

Ulama Melayu tradisi memasukkan nilai-nilai Islam yang menjadikan raja bukan lagi bersifat kudus dan mutlak. Raja wajib memahami bahawa;

1. hanya Allah memiliki kuasa mutlak bersesuaian dengan konsep tauhid.
2. betapa besarnya tanggungjawab raja dalam pemerintahannya yang bakal dihisab oleh Allah di tiga alam; alam dunia, barzakh dan akhirat.
3. sifat dan ciri-ciri pemerintah Islam yang wajib dipatuhi oleh raja.
4. ancaman dan balasan yang bakal dihadapi oleh raja andainya gagal menjalankan tanggungjawab (Khalif Muammar A. Harris, 2011).

Jadi, konsep daulat Islam bukan bersifat mutlak tetapi bergantung kepada raja mematuhi syarat-syarat kepimpinan Islam.

Sebelum penjajahan British, sistem politik dan tadbir urus di Tanah Melayu adalah berasaskan syariah Islam. Sejarah Tanah Melayu jelas membuktikan bahawa Islam telah dijadikan sebagai agama rasmi. Sistem politik dan tadbir urus berlandaskan syariah Islam (Anthony Crothers Milner, 1982). Sistem Monarki ini adalah satu sistem pemerintahan yang diwarisi sejak pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin (M. Irfan Mahmud, 1998), namun perbezaannya adalah perlantikan khalifah adalah berasaskan syura pada waktu itu. Sistem pemerintahan yang diamalkan di Alam Melayu adalah bersifat keturunan yang juga diamalkan pada waktu Bani Umayyah. Kemudian sistem tersebut diamalkan dalam pemerintahan Bani Abbasiyah, Bani Saljuk, Dinasti Uthmaniyyah dan selainnya (Tohi Bawazir, 2015).

Sistem pemerintahan beraja yang selaras dengan Islam di Tanah Melayu dapat dibuktikan dengan beberapa perkara;

1. wujudnya pelbagai *legal digest* Melayu (Undang-Undang Tubuh Negeri Melayu) yang dijadikan intipati asas pemerintahan negeri. Ia merupakan peraturan yang membabitkan sistem politik, ekonomi, sosial dan perundangan yang wajib dijalankan mengikut syariah Islam. Atas dasar itu John Taylor seorang pegawai British yang mengumpul undang-undang Melayu berkata; “andainya British tidak datang ke Tanah Melayu, nescaya Tanah Melayu akan menjadi

- negara Islam yang mengamalkan undang-undang Islam (*law of the land*).”
2. wujudnya karya Ilmu Ketatanegaraan versi Melayu seperti karangan Bukhari Jauhari bertajuk *Taj Salatun* (Mahkota Bagi Raja-Raja) yang dijadikan panduan untuk melatih raja mengenai tanggungjawab mereka. Karya ini menjadi teks wajib untuk digunakan dan disimpan di istana-istana Melayu (Teuku Iskandar, 1965).
 3. bukti-bukti yang tercatat dalam Batu Bersurat Negeri Terengganu, Hukum Kanun Melaka dan Hukum Kanun Pahang telah menjelaskan bahawa pemerintahan di Tanah Melayu adalah berasaskan pentadbiran undang-undang Islam (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2003; 2010).
 4. ulama telah menjadi penasihat kepada raja-raja Melayu. Banyak dasar negara ditentukan oleh ulama. Sebagai contoh kerajaan Aceh, Terengganu dan Pahang sangat terkenal dengan peranan ulama dalam menjalankan pelbagai dasar Islam (Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2017).
 5. masyarakat taat kepada sultan berasaskan paradigma khilafah dalam Islam. Kerana raja atau sultan dianggap sebagai bayangan Tuhan di bumi (*zill Allah fi al-ard*) (Hazrina Haja Bava Mohidin, Farhana Mohd Razif & Sulaiman Kadikon, 2012).

IV) Muzium Diraja Sebagai Asas Kedaulatan Institusi Beraja Di Malaysia

Muzium diraja perlu menonjolkan konsep daulat ini secara luaran dan falsafahnya dalam setiap galeri diraja. Ia bagi difahami secara mendalam oleh setiap pengunjung, khususnya golongan muda. Daulat adalah istilah keramat dalam sistem politik Melayu. Ia merupakan “bahasa dalam” terkhusus dipergunakan rakyat apabila berhadapan dengan sultan. Mengikuti sarjana sejarah seperti A.C. Milner (1982), Arifin Omar (1989) dan Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2017), perjalanan sistem politik dan pemerintahan Melayu daripada zaman tradisi hingga zaman global dipengaruhi oleh istilah daulat ini. Ia mencerminkan *world-view* dan harapan manusia Melayu secara keseluruhannya.

Istilah daulat ini bermaksud tuah, kebahagiaan, berkat dan aura ketuhanan yang dimiliki oleh raja yang memerintah di sesuatu kawasan. Secara etimologinya, ia berasal daripada istilah arab; *dawlatun*. Perkataan *dawlatun* berasal dari perkataan *dala*, *yadlu*, *dawlatun*. Secara bahasanya, ia bermaksud pemerintahan dan kerajaan. Ia juga digunakan untuk maksud keturunan raja-raja. Pengertiannya dikaitkan dengan kuasa, kerajaan, empayar, dinasti, pemerintahan, negara, negeri dan lain-lain (Al-Marbawi t.th.). Dalam konteks sesebuah kerajaan, ia menjadi intipati kepada hak individu atau kelompok menggunakan kuasa dan wibawa untuk memerintah sesebuah kerajaan, negara atau negeri.

Apabila dihubung dengan politik pemerintahan, daulat menjadi unsur pengiktirafan baik secara lisan, kepercayaan, ataupun tulisan (piagam atau perlembagaan) bagi individu atau kelompok untuk melaksana atau menegaskan

kuasa atau wibawa ke atas anggota masyarakat yang mendiami atau menduduki sesebuah negeri atau negara (Mohammad Yusoff Hashim, 1995).

Dalam sistem politik berkerajaan yang menjadi lambang kedaulatan ialah seseorang raja yang memerintah kerajaan tersebut (Muhammad Yusoff Hashim, 2015). Untuk meneguhkan lagi kedudukan raja, ia diberikan sifat luar biasa iaitu sifat karisma. Sifat istimewa yang dikhususkan untuk raja-raja sahaja ialah sifat berdaulat. Dengan adanya sifat ini membezakan antara raja dengan rakyatnya. Rakyat tidak boleh mempermainkan rajanya kerana takuntukan kuasa daulat ini. Sebenarnya kuasa daulat ini wujud hanya selepas seseorang raja itu menaiki takhta kerajaan (J.M. Gullick, 1970).

Daulat juga dianggap sebagai tuah kepada seseorang raja. Buku Adat Raja-Raja Melayu yang telah diedit oleh PH. S. Van Ronkel (1929) menjelaskan, “*Maka adalah raja itu telah dikurniai Allah Ta’ala dilebihkan daulatnya yakni tuahnya, ...jika duduk tuah itu kepada raja kerajaan maka dinamai akan dia berdaulat. Maka taktakala itu segala manusia pun kasih sayang dan takut akan dia.*” Jadi, apabila disebut *Daulat Tuanku*, ia memberi maksud hormat dalam nisbah yang tinggi untuk tuanku - semoga hidup tuanku diberkati Allah sentiasa yang memungkinkan tuanku menjalankan tanggungjawab dengan baik (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2013).

Dilihat kepada sudut sejarah, konsep daulat di Tanah Melayu, bukannya statik tetapi berjalan secara dinamik dan sentiasa berkembang; banyak berlaku proses adaptasi dan penambahbaikan. Matlamat asas konsep daulat ini adalah untuk mendokong autoriti seorang raja yang wajib ditaati. Ia bagi memastikan wujudnya suasana aman damai tanpa ada unsur anarki dalam masyarakat Melayu. Daulat ini dibezakan daripada penguasaan atau dominasi seorang panglima tentera yang menakluki sesuatu kawasan. Biasanya ia akan menggunakan kuasa kekerasan untuk mendapatkan sokongan rakyat. Hal ini berbeza dengan konsep daulat. Raja wajib ditaati secara sukarela oleh rakyat kerana aura ketuhanan yang dimiliki oleh raja, ia mendapat mandat tuhan untuk memerintah (Lim Seng Haw, 2009).

Konsep daulat ini perlu didokong oleh lima faktor sokongan:

1. kuasa agama seperti Islam yang memandu perjalanan pemerintahan seseorang raja.
2. rakyat yang mematuhi perintah raja (Bazrul Bahaman, 2015).
3. pembesar yang menjalankan perintah raja.
4. kawasan tertentu yang dikuasai oleh raja (K. G Tregonning, 1964).
5. sumber kewangan yang menjadi asas pendapatan yang bakal membiayai urusan pemerintahan negara (Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, 1984).

Jadi, naik atau jatuh daulat raja bergantung pada kelima faktor ini. Maknanya, kekuasaan daulat ini bukannya bersifat mutlak tetapi bergantung kepada faktor sebab musabab. Contohnya, kedaulatan empayar Melayu di Alam Melayu, seperti kerajaan Funan, Sriwijaya, Melaka, Aceh dan Brunei sangat bergantung kepada hasil pendapatan negara yang diperolehi. Empayar yang luas jajahan takluknya akan memperolehi pendapatan daripada pelbagai sumber

merangkumi cukai pelabuhan, harta rampasan perang, cukai dan hasil ufti daripada tanah jajahan (Lim Seng Haw, 2009).

KESIMPULAN

Sebagai rumusan akhirnya, dapat ditegaskan bahawa muzium berperanan besar dalam memartabatkan institusi beraja di Malaysia. Ia bukan sahaja dibuat dalam bentuk yang kosong tanpa makna sehingga dituduh memperkukuhkan sistem feudal, tetapi mempunyai justifikasi yang khusus. Hal ini telah diperjelaskan dengan panjang lebar dalam artikel ini. Ada baiknya kesemua paparan tentang kerelevanan institusi beraja Melayu di fahami dan diterapkan sebaik mungkin oleh kurator muzium dalam setiap galeri diraja.

RUJUKAN

- Ab Samad Kechot (2010). Proses Pendidikan Muzium: Satu Kajian Awal. *Jurnal Melayu* (5), h. 285-293.
- Ab Samad Kechot (2012). Warisan di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya. *GEOGRAFIA (Journal of Society and Space)*, issue 8, h. 35-46.
- Abu Talib Ahmad (2008). State Museums and Their Representations of the Past in Malaysia, *JMBRAS*, vol. 81, Bah. 2, h. 45-46.
- Abu Talib Ahmad (2012). 'Muzium, Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Budaya'. dlm. Abu Talib Ahmad (ed.), *Utara Semenanjung Malaysia: Esei-esei Warisan*, Pulau Pinang, Penerbit USM, h. 208-209.
- Abu Talib Ahmad (2013). Muzium dan Penghayatan Sejarah Negara. *Prosiding Sidang Kemuncak Sejarah*, K. Lumpur, PSM, h. 2.
- Abu Talib Ahmad (2015). 'Museums in the Northern Region of Peninsula Malaysia and Cultural Heritage', *Kemanusiaan*, Vol. 22, No. 2, h. 24.
- Abu Talib Ahmad (2015). Museums, *History And Culture In Malaysia*. Singapura: NUS Press, h. 1-6.
- Ahnaf Wafi Alias (2018). Peranan Kurator Muzium Negeri Pahang dalam Memastikan Kelangsungan Manuskrip Hukum Kanun Pahang. *Prosiding Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018 (Persipmam)*, ATMA UKM, h. 215-230
- Al-Marbawi (t.t.). *Qamus Idris al-Marbawi*. Kaherah: Dar al-Fikr, h. 212.
- Anthony Crothers Milner (1982). *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Arizona: The University of Arizona Press, h. 100-109.
- Ariffin Omar (1989). *Bangsa Melayu: Concepts of Democracy and Community Among the Malays, 1945-1950*. Tesis Ph.D. The Australian National University.
- Awang Had Salleh (1980). *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British dengan Rujukan Khas Kepada Sultan Idris Training College (SITC)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 141-142.

- Azman Ligon (2017). Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. bil.5, Isu 1 [19], h. 19-30.
- Badrul Isa (2017). *Museum Pedagogy and Learning Experiences: An Investigation Into Museum Education From Instructional Perspectives*. Tesis Phd untuk School of Education, College of Design and Social Context, RMIT University, h. 23-50.
- Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya (1984). *A History of Malavsia*. London: Palgrave Macmillan, h. 24.
- Bazrul Bahaman (2015). Konsep Rakyat dan Peranannya dalam Negara. *Jurnal Peradaban Melayu*. Jilid 10, h. 123-134.
- Daniel C. Dennett (1995). *Darwin's Dangerous Idea Evolution and the Meanings of Life*. London: Penguin Books Ltd.
- Dr Firdaus Abdullah (2017). Institusi Raja: Peranan Monarki Mengatasi Dilema Demokrasi. *Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara: Ke Arah Wasiat Tersurat*, pada 5-6 Ogos 2017, h. 39-46.
- Ginsburg, N., & Roberts, C., F., (1958). *Malaya*. Seattle: University of Washington Press, h. 221
- Hanapi Dolah (1983). Struktur dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Teoritis, *SARI*, v.1(2).
- Hasnul J Saidon (2011). Penyesuaian Hasil Dapatan Kajian Pelanggan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (MGTF) Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Strategi Kuratorial Pameran e-CITRA, *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*. Jil./Vol.10, h. 2-39; Abu Talib Ahmad (2015), Penang Museums, Culture And History, *Kajian Malaysia*, Vol. 33, Supp. 2, 2015, 153–174.
- Hazrina Haja Bava Mohidin, Farhana Mohd Razif & Sulaiman Kadikon (2012). Pengaruh Islam dalam Politik dan Senibina Pentadbiran Zaman Kesultanan Melayu Lama, *Jurnal Teknologi* (58), h. 85-88.
- Hooper-Greenhill (2000). *Museums and the Interpretation of Visual Culture*. London & New York: Routledge, h. 133.
- J.M. Gullick (1970). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 72.
- Jennifer Kim Lian Chan & Eileen Yeoh (2010). The Experiential Dimensions of Museum Experiences: The Visitors' Perspectives. *International Journal of Business and Accountancy*, 1(1), h. 27-29.
- K. G Tregonning (1964). *A History of Modern Malava*. London: University of London Press, h. 13-14.
- Khalif Muammar A. Harris (2011). Ilmu Ketatanegaraan Melayu Abad ke-19: Kajian Terhadap Karya Raja Ali Haji, *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 29(1), h. 79-101.
- Lim Seng Haw (2009). Perkembangan Ideologi Politik dan Masyarakat Melayu di Tanah Melayu, 37, h. 71-108.
- M. Irfan Mahmud (1998). *Konsep Monarki Konstitusional Kerajaan Luwu*. Direktorat Jenderal Kebudayaan: Jakarta, h. 2.

- Mehmet Ozay (2011). A Revisiting Cultural Transformation: Education System in Malaya During the Colonial Era. *World Journal of Islamic History and Civilization*. 1 (1), h. 37-48.
- Milne, R., S., & Mauzy, D., K., (1986). *Malaysia: Traditional, Modernity and Islam*. Boulder., CO: West. View Press, h. 20.
- Mohammad Yusoff Hashim (1995). Daulat dalam Tradisi Budaya dan Politik Kesultanan Melayu Abad ke-15 dan Awal Abad ke-16: Antara Mitos dan Realiti. Dalam *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, No. 3/1994-1995, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, h. 215.
- Mohd Azmi Mohd Yusof (2013). Menggiatkan Fungsi Muzium dan Upaya Memupuk Minat Sejarah di Kalangan Masyarakat Awam. *Prosiding Sidang Kemuncak Sejarah*. Kuala Lumpur: PSM, h. 2.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim (2017). Al-Raniri dan Perkembangan Islam di Pahang. *Jurnal Usuluddin*. 45(2), h. 87-104.
- Muhammad Yusoff Hashim (2015). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 140-141.
- Paul Wheatley (1980). *The Kings and the Mountain: An Indian Contribution to Statecraft in South East Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. 1980. h. 17.
- Paulette Dellios (1999). *The Museum As Artifact, Made in Malaysia*. Tesis Ph.D untuk James Cook University of North Queensland, h. 86.
- PH. S. Van Ronkel (1929). (ed.), *Adat Radja Radja Melajoe*. Leiden: N.V. Boekhandel En Drukkerij Voorheen E. J. Brill, h. 80.
- Raffles to Minto, Malacca, 10th June 1811 in *Raffles. Memoir*, h. 80-81.
- Raffles to William Marsden, Ciceroa, 1st January 1815 in *Raffles. Memoir*, h. 235.
- Raffles, "A Discourse delivered at a Meeting of the Society of Arts and Sciences, in Batavia, on the
- Raffles, "A Discourse Delivered on the 11th September, 1815" in *Raffles. Memoir*, h. 169
- Raffles, *The History of Java* Vol. I, h. 372.
- Raffles, *The History of Java*. London: John Murray Albe Marlee Street, vol. I, h. 245.
- Raffles. *The History of Java*, vol. I, h. 372.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2003). Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh di dalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisa, dalam (edit oleh Muhammad Mokhtar Hassan) *Kesusasteraan dan Undang-Undang*, Penerbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 158-179.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2010). Batu Bersurat di Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam. *Jurnal Fiqh*. APIUM, v. 6.
- Report on Education of the Strait Settlements., 1903., p.58
- Shakila Binti Che Dahalan (2015). *Kemahiran Pemikiran Sejarah Melalui Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Oleh Guru Pelatih*. Tesis Sarjana Sastera (Pendidikan). USM.
- Sir Stamford Raffles (1819). Substance of A Memoir on the Administration of the Eastern Islands (n.p: n.pub.), h. 28.

- Soda Naoki (2001), *The Malay World in Textbooks: The Transmission of Colonial Knowledge in British Malaya, Southeast Asian Studies*, 39(2), h. 188-230.
- Stevenson, R., (1975). *Cultivators and Administrators. British Educational Policy Towards the Malays 1875-1906*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h.180.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2013). Simbol Kebesaran Daulat, Mahkota dan Keris dalam Hikayat Hang Tuah. *Jurnal Melayu*, jilid 11, h. 99-108.
- Teuku Iskandar (1965). *Kesusasteraan Melayu Klasik Sepanjang Abad*. Jakarta: Libra: h. 108-110.
- Tohi Bawazir (2015). *Jalan Tengah Demokrasi*. Pustaka al-Kautsar: Jakarta Timur, h. 87.
- Twenty-Fourth Day of April, 1813, Being the Anniversary of the Institution”, in *Raffles, Memoir*, h. 145.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2017). Islam Agama Bagi Persekutuan: Satu Kajian Sejarah Perundangan. *Akademika*, 87(3), h. 177-193.